

Hoa Sheng cipta kejutan temasya sukan IPT

Mei 30, 2022 @ 7:59pm



Presiden Persatuan Squasy Negeri Sembilan, Tunku Zain Al'abidin Ibni Tuanku Muhriz (tiga kanan) bersama pemenang acara skuasy. - Foto ihsan KPT

PUTRAJAYA: Wakil Majlis Sukan Politeknik, Koay Hoa Sheng mengejutkan pemenang pingat gangsa Sukan SEA Hanoi, Muhd Aiman Hamdan untuk merangkul pingat emas acara tenis lelaki pada temasya sukan rentas sempadan institusi pengajian tinggi (IPT) yang berakhir semalam.

Hoa Sheng melakar kemenangan 6-4, 6-0 ke atas Muhd Aiman dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan ia menjadi antara kejutan yang berlaku dalam temasya yang menarik penyertaan 1,500 atlet itu.

Temasya anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) itu adalah kejohanan yang tertangguh sejak 2021.

Kejohanan turut membabitkan acara badminton, skuasy, ping pong serta sukan sepak takraw dan lawn bowls yang berlangsung di beberapa IPT di sekitar Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

Universiti Putra Malaysia (UPM) unggul apabila menjuarai acara sepak takraw selepas menewaskan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada final Karnival Sepak Takraw IPT.

UPNM pula cemerlang dalam sukan lawn bowls apabila muncul juara dengan lima pingat emas, satu perak dan dua gangsa.

Acara badminton menyaksikan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Badminton IPT di Universiti Malaya menyapu dua pingat emas bagi acara perseorangan lelaki dan wanita menerusi Faiz Rozaian dan N Saranya.

Bagaimanapun hasrat mereka untuk menyapu emas ketiga tidak kesampaian apabila Universiti Taylor merangkul emas dalam acara beregu wanita menerusi Desiree Hoa Shan dan Ng Qi Xuan.

Bagi acara ping pong, Mohd Syazwan Salmi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memenangi pingat emas perseorangan lelaki menewaskan Christopher Iz Goh Kho Han Hui dari Universiti Sunway.

Universiti Taylor turut mengungguli skuasy lelaki, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi kategori wanita.